

## Didenda tangkap ikan secara haram



Kesemua tertuduh warga Vietnam ini dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

**KUALA TERENGGANU**—Padah menangkap hasil laut di perairan negara, seorang tekong warga Vietnam dijatuhi hukuman denda RM500,000 manakala empat awak-awaknya pula denda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Tidak cukup dengan itu, tekong, Nguyen Anh Van, 34, turut berdepan hukuman tiga tahun penjara manakala empat awak-awaknya berusia antara 24 hingga 36 tahun pula berdepan hukuman dua tahun penjara sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan itu dibuat Hakim Azman Mustapha selepas semua tertuduh

mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(a) yang dibaca bersama Seksyen 52 (1) (a) (i) dan Seksyen 52 (1)(a)(ii) akta sama.

Selain itu, mahkamah memerintahkan semua barang kes iaitu sebuah kapal penangkapan ikan, peralatan komunikasi dan navigasi berserta peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan yang berjumlah keseluruhan hampir RM500,000 dilucutkan kepada kerajaan Malaysia.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa bersama-sama cuba menangkap ikan tanpa kebenaran

di bawah mana-mana perjanjian perikanan antarabangsa dan tanpa permit sah yang dikeluarkan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di atas vesel penangkapan ikan asing pada jarak 71.3 batu nautika dari perairan Kuala Kemaman, Kemaman jam 8.30 pagi pada 2 Mac lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Ibu Pejabat Wilayah Maritim Timur, Mohamad Afiq Taqiuin Roslan manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.